

KESUKARAN MENULIS MANUSKRIP PENYELIDIKAN DALAM BAHASA INGGERIS: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN PENULISAN

(Difficulty Writing Manuscript Research in English Language: Steps to Improve Writing)

SRIJIT DASS

drsrijit@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

HATTA SIDI

hattasidi@hotmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

NUR AHLINA ABDULLAH

nurahlina@ppukm.ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

IMA NIRWANA SOELAIMAN

imasoel@yahoo.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

RAYMOND AZMAN ALI

raymond@ppukm.ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dihantar pada:

2 Oktober 2015

Diterima pada:

28 Disember 2015

Koresponden:

hattasidi@hotmail.com

Abstrak: Di seluruh dunia, terdapat keperluan yang mendesak untuk menerbitkan hasil kajian dalam jurnal terkemuka yang berimpak tinggi, yang biasanya diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Salah satu kriteria utama bagi penilaian kedudukan universiti global adalah bilangan penerbitan dan petikan di dalam pangkalan data utama seperti Institut Maklumat Saintifik (ISI) dan Scopus. Manuskrip mengenai topik bagaimana menulis manuskrip penyelidikan dengan betul sering diterbitkan, namun, tidak banyak penerbitan yang mengajar teknik yang terbaik untuk menguasai penulisan Bahasa Inggeris. Bengkel-bengkel dijalankan bagi membantu penyelidik menulis manuskrip, tetapi terdapat kurangnya penekanan dalam aspek penguasaan tatabahasa dan gaya penulisan. Justeru, ramai penulis muda tidak tahu bagaimana untuk menulis dengan baik. Artikel kajian ini membincangkan secara terperinci kesalahan biasa semasa menulis kertas penyelidikan dalam Bahasa Inggeris dan mencadangkan langkah-langkah bagi mengatasinya. In termasuklah tataraca menulis laporan keputusan, memilih kata-kunci yang betul, bagaimana menulis seksyen pendahuluan secara kemas serta membincangkan hasil keputusan secara menarik dan memberi impak. Kami mencadangkan penulis mentelaah serta membuat latihan latih-tubi dengan membiasakan diri menulis dengan ayat-ayat pendek, menggunakan tanda baca yang seimbang dan menggunakan kedudukan subjek dan kata kerja yang betul dalam susunan ayat. Begitu juga, penggunaan ayat-ayat yang menyatakan perbuatan lampau, atau ayat-ayat “past-tense” adalah perlu apabila seseorang penulis itu melaporkan hasil sesuatu kajian serta ditegaskan dengan penggunaan ayat-ayat aktif. Isu penulis hantu dan cabaran mengupah orang lain menulis bagi sesuatu artikel penulisan juga disentuh. Secara ringkas, menulis manuskrip penyelidikan dalam Bahasa Inggeris boleh menjadi mudah jika fakta-fakta yang dinyatakan ini dapat diikuti secara terperinci. Adalah diharapkan agar cadangan-cadangan ini akan dapat membantu para penulis muda menulis dengan baik lalu memudahkan penerimaan manuskrip oleh sidang pengarang jurnal berkenaan.

Kata kunci: Penyelidikan, manuskrip, Bahasa Inggeris, menulis, kecekapan

Abstract: Throughout the world, there is an urgent need to publish the findings in renowned high impact factor journals published in the English language. One of the major criteria for the global university rankings is publications and citations in premier databases. Often manuscripts addressing the topic of how to write a proper research manuscript are published but there are fewer publications teaching the best way to improve one’s English. Many workshops are conducted to help researchers write their manuscripts, but adequate addressing of the English language is often lacking. Many beginners do not know how to combat this situation of mastering the art of writing. The present review article discusses in detail the common pitfalls while writing a research paper in English language and suggests possible remedies. These remedies will include techniques on how to write the results properly, choosing the correct keywords, writing a proper introduction and discussing the results in the discussion section in such a way that will make the manuscript appear to be interesting and impactful. We suggest that authors should continuously practice writing in English. Authors are encouraged to write in a simple manner, using short sentences and proper punctuation marks, arranging the subjects and verbs in the proper manner, using the past tense, especially when reporting results of the research and using the active voice when highlighting important study outcomes. Issue related to “ghost writer” and paying others to write on our behalf as an author is also discussed. We hope that these basic suggestions can be practiced regularly and help motivate young authors to write properly and facilitate the acceptance of their manuscript.

Keywords: Research, manuscript, English, writing, efficiency

PENGENALAN

Hari ini, dalam setiap bidang, di setiap universiti penyelidikan, terdapat satu usaha berterusan bagi penerbitan dalam jurnal yang diindeks dan berimpak faktor tinggi. Semua jurnal berwasit, berfaktor impak tinggi yang diindeks di seluruh dunia menerbitkan manuskrip penyelidikan di dalam Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris bahasa yang diterima umum dan digunakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan dengan penyelidikan secara meluas. Jurnal dalam bahasa serantau selain daripada Bahasa Inggeris, tidak mempunyai faktor impak atau tidak diindeks dalam pangkalan data berprestij tinggi seperti ISI, Scopus dan PubMed.

Oleh itu, visibiliti, pembacaan, capaian dan petikan juga berkurangan. Seringkali, kualiti Bahasa Inggeris yang ditulis oleh pengarang dari sesebuah negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara, tidak mencapai tahap memuaskan dan editor jurnal cenderung untuk menolak artikel semata-mata berdasarkan kesilapan dalam Bahasa Inggeris. Terdapat kekurangan dalam kejelasan berbahasa Inggeris. Adalah sukar untuk penulis dari negara membangun atau negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara untuk bebas daripada sebarang kesilapan tatabahasa.

Penulisan dan penerbitan merupakan dua faktor penting untuk mana-mana kejayaan akademik, di mana ramai individu mampu menguasainya, manakala sebilangan yang lain tidak mampu (Spanager et al. 2013). Menariknya, tiga faktor penting dianggap sebagai halangan utama kepada penerbitan penyelidikan adalah kekurangan momentum, kekangan masa, dan kekurangan keyakinan dalam penulisan (McGrail et al. 2006). Kurang keyakinan diri biasanya dikaitkan dengan kelemahan menulis di dalam Bahasa Inggeris.

ADAKAH PENULISAN DALAM BAHASA INGGERIS BENAR-BENAR MEROSOT?

Satu kajian yang diterbitkan dalam jurnal bioperubatan menunjukkan kemerosotan kualiti penulisan Bahasa Inggeris (Ludbrook 2007). Penulis tersebut telah melakukan penelitian menyeluruh dan telah menghasilkan keputusan yang menarik. Penulis beranggapan bahawa untuk

menghasilkan ayat yang betul, seseorang wajib untuk mempunyai penguasaan tatabahasa, gaya dan penggunaan Bahasa Inggeris yang baik serta mempunyai latihan penulisan yang berterusan (Ludbrook 2007). Kami percaya bahawa "Usaha Tangga Kejayaan"

Ramai penulis dari negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara berdepan dengan pelbagai masalah. Malah, di negara-negara maju, penulisan Bahasa Inggeris oleh penulis muda didapati mempunyai banyak kelemahan seperti kesalahan tatabahasa dan ejaan. Menariknya, satu kajian dari Australia melaporkan penggunaan meluas soalan pelbagai pilihan (*multiple choice questions*, MCQ) oleh institusi tinggi dan sekolah telah menyumbang kepada kemerosotan kualiti Bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak yang berumur di antara 12-13 tahun (Ferrari, 2006). Hari ini, penggunaan MCQ telah menjadi kebiasaan di dalam peperiksaan kompetitif di mana pelajar tidak perlu mempamerkan penguasaan yang baik dalam Bahasa Inggeris.

Analisis terhadap artikel yang diterbitkan dalam jurnal berimpak faktor tinggi seperti *Nature* dan *Science* daripada tahun 1930 hingga 1990 (Hayes 1992) dan 1900 hingga 2000 (Knight 2003) mendedahkan bahawa artikel tersebut sukar dibaca disebabkan oleh kosa kata yang kompleks. Oleh itu, banyak fakta saintifik yang mungkin gagal disampaikan dengan betul kepada pembaca, jika Bahasa Inggeris mereka lemah.

KESALAHAN UMUM KETIKA PENULISAN MANUSKRIP DALAM BAHASA INGGERIS

Untuk menguasai teknik dan seni penulisan Bahasa Inggeris, amat penting untuk seseorang itu membaca dalam Bahasa Inggeris dengan lebih kerap dan memahaminya. Penulis yang kerap menulis dalam Bahasa Inggeris, jarang menghadapi masalah menyampaikan hasil penyelidikannya dalam Bahasa Inggeris. Hari ini, dengan kemudahan mengakses surat khabar, media elektronik di telefon bimbit atau iPad dan *tablet*, penguasaan teknik penulisan Bahasa Inggeris sepatutnya menjadi lebih mudah.

Kebiasaannya, manuskrip penyelidikan ditulis sama ada dalam Bahasa Inggeris British atau Amerika bergantung kepada jurnal yang dihantar. Pengarang perlu menulis manuskrip

dalam Bahasa Inggeris dengan jelas dan mudah difahami. Selalunya, kita cenderung untuk menulis ayat dengan panjang yang mana kemungkinan berlakunya kesilapan tatabahasa dan sintaksis adalah lebih mudah. Kesalahan ini biasanya dapat dilihat dalam artikel-artikel penyelidikan. Kadangkala, lebih daripada empat hingga lima fakta atau lebih ditulis dalam satu ayat tunggal dan ini menjurus kepada lebih banyak kesilapan tatabahasa dilakukan. Semasa menulis dalam Bahasa Inggeris, seseorang perlu mengelakkan *jargon* yang tidak perlu dan menggunakan perkataan yang mudah (lihat Rajah 1).

Ayat yang betul perlu mempunyai dua aspek, iaitu subjek dan kata kerja. Subjek merujuk kepada anda, saya, dia, atau apa-apa objek seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Kata kerja merujuk kepada perkara yang sedang dilakukan oleh subjek. Oleh itu, ayat yang paling tepat ialah '*saya sedang makan*'. Selalunya, seseorang perlu memastikan bahawa kata kerja bersesuaian dengan kata nama.

Harus diingat bahawa semasa menulis, kata kerja tidak sepatutnya berada di awal ayat. Ini adalah benar untuk ayat 'Aktif' dan ayat 'Pasif'. Penggunaan ayat aktif dinasihatkan untuk digunakan dalam kebanyakan penulisan artikel penyelidikan berbanding ayat pasif. Seorang penulis telah berkata bahawa ayat aktif adalah lebih disukai oleh editor dan mudah untuk dibaca. Contoh ayat aktif adalah - "*Kami melakukan kajian ini adalah untuk memerhatikan kadar penggunaan oksigen oleh pesakit.*" Jika ayat yang sama ditulis dalam bentuk pasif, ia akan menjadi "*Penggunaan oksigen oleh pesakit telah kami perhatikan*". Pengarang melaporkan bahawa penggunaan ayat aktif membantu seseorang untuk mengelakkan kekaburan dan penggunaan ayat pasif sebenarnya memanjangkan sesuatu ayat (Tompson 2006).

Kebanyakan penyelidik berpendapat bahawa menulis ayat panjang bermakna lebih penerangan terhadap fakta dan akan menjadikan artikel penyelidikan lebih mengagumkan dan menarik. Menurut seorang penyelidik, kerumitan yang tidak perlu dan pengulangan merupakan sebab utama kertas penyelidikan ditolak oleh editor atau penyaring (Tompson 2006). Pengarang sama juga berpendapat bahawa penggunaan perkataan yang mudah dan terma ringkas menjadikan kertas mudah untuk dibaca dan

difahami (Tompson 2006). Harus diingatkan bahawa editor dan penyaring membaca kertas kerja setiap minggu dan penulisan yang mudah dibaca dan difahami akan diterima untuk penerbitan (Tompson 2006).

Penggunaan perenggan yang betul semasa menulis kertas penyelidikan dalam Bahasa Inggeris adalah lebih baik. Malah dalam seksyen '*Bahan-Bahan dan Kaedah*', tajuk-tajuk kecil dengan penerangan fakta yang ringkas memudahkan manuskrip diterima untuk penerbitan (lihat Rajah 1).

Setiap ayat perlu bermula dan berakhir dengan tanda baca yang betul. Sebaik-baiknya, ayat dalam Bahasa Inggeris harus bermula dengan huruf besar. Kami sebagai editor dan penyaring mendapati bahawa ramai penulis memulakan ayat dengan angka seperti: "*200 pesakit telah mendaftar untuk kajian ini*". Hal ini adalah salah kerana ayat tidak boleh bermula dengan angka. Ia perlu dieja sepenuhnya. Penulis muda sering tidak peka mengenai perkara ini dan adalah menjadi kewajipan penulis berpengalaman untuk mengajar dan mendidik mereka.

Menurut kajian lalu, penggunaan akronim dan singkatan perlu konsisten dan digunakan apabila diperlukan sahaja (Hannick dan Flanigan 2013). Sering kali, penggunaan singkatan menjejaskan kualiti manuskrip penyelidikan. Kami juga menyedari bahawa penulis cenderung menggunakan perkataan-perkataan yang mengagumkan untuk menarik perhatian editor atau penyaring namun amalan begini mungkin berakhir dengan keadaan huru-hara.

Penggunaan tanda bacaan yang betul adalah amat penting. Kebiasaannya, jika terdapat kata nama dalam sesuatu ayat, tanda koma (,) akan digunakan. Untuk memisahkan dua ekspresi perasaan atau fakta di dalam sepotong ayat, tanda koma harus digunakan dengan betul. Namun, perkara ini sering kali dilupakan oleh penulis. Juga, terdapat keperluan untuk menyatukan ayat majmuk dengan betul. Kata kerja dalam ayat sepatutnya berakhir dengan sempurna. Kata sendi nama juga perlu digunakan dengan betul. Apostrofi turut sering dilupakan dan penulis perlu berhati-hati menggunakannya di tempat yang betul.

Penggunaan *tense* adalah sangat penting. Biasanya, semua manuskrip penyelidikan ditulis menggunakan *past tense* kerana eksperimen telah

selesai. Secara ideal, jika ayat permulaan perenggan adalah dalam *present tense*, maka ayat lain dalam perenggan yang sama perlu dalam bentuk *present tense* juga. Pendek kata, penggunaan *tense* perlu seragam.

Suatu masa dahulu, ayat tidak boleh dimulakan dengan kata hubung seperti '*dan*' dan '*tetapi*'. Namun, pada masa kini perkataan ini digunakan dengan kerap untuk memulakan ayat kerana kadangkala kata hubung merupakan perkataan yang lebih sesuai.

Kegusaran terhadap plagiarisme telah memaksa semua pengarang untuk menyusun semula ayat. Ini menjadikan tugas menulis lebih sukar. Kadangkala, penulisan fakta disampaikan dengan salah walaupun memetik rujukan yang betul. Ayat perlu dirangka dengan berhati-hati bagi mengekalkan maksud asal tanpa mengubah fakta. Kefahaman penulis tentang apa yang ingin disampaikan adalah penting untuk mengelak kekeliruan atau kesilapan dalam menyampaikan sesuatu fakta.

PERANAN MENTOR DAN PAKAR

Sering dinasihatkan bahawa penyelia perlu memimpin pelajar pasca-siswazah secara satu-sama-satu. Laporan yang lalu menunjukkan bahawa perbincangan yang baik pada peringkat perancangan (draf) dan kemudian peringkat akhir manuskrip boleh membantu penerangan dalam Bahasa Inggeris yang lebih baik (Ludbrook, 2007). Penerbitan dalam jurnal berimpak faktor tinggi oleh pelajar-pelajar perubatan pasca siswazah di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia sememangnya telah membuktikan bahawa kualiti Bahasa Inggeris di institusi ini telah bertambah baik.

Fakulti Perubatan juga telah menggunakan perisian sendiri untuk membetulkan Bahasa Inggeris bagi membantu penyelidik lain. Langkah ini telah mengurangkan perbelanjaan untuk penyuntingan Bahasa Inggeris dan menjimatkan masa. Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil langkah berani dan melibatkan pakar-pakar mereka sendiri dalam penganjuran bengkel latihan khas dan klinik penulisan artikel penyelidikan yang mana telah membantu pelajar pasca siswazah dan pensyarah.

Seseorang pengarang perlu mendekati mentor atau pakar dalam penulisan untuk menulis

dalam Bahasa Inggeris dengan baik. Sebaik-baiknya dicadangkan agar mentor mengambil bahagian sebagai malim sarjana dengan membimbing penulis seperti galakan, membaca draf manuskrip dan membaiki penulisan agak didiknya. Mentor ini boleh diberi penghargaan dalam seksyen '*Penghargaan*'. Kadangkala, penyelia yang berfungsi sebagai mentor boleh ditampilkan sebagai pengarang bersama manuskrip tersebut. Sebagai penulis, kami juga merasakan bahawa draf pertama manuskrip itu boleh diberikan kepada rakan-rakan untuk menyemak bahasa dan proses ini sering membawa kepada kejayaan menerbitkan di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penulis baru boleh membina amalan mengulas artikel yang telah diterbitkan dan menghantarnya sebagai '*Surat kepada Editor*'. Amalan ini akan membina kemahiran kritikal dan juga mendorong mereka dalam penulisan Bahasa Inggeris. Terdapat banyak skop untuk menghantar surat tersebut di dalam bidang Sains Perubatan. Sesetengah penulis mungkin berfikir bahawa menulis ulasan buku lebih mudah diterima dan diterbitkan dalam jurnal terkemuka.

PENGKORMESILAN BAHASA INGGERIS: ADAKAH IA BERETIKA?

Dalam kebanyakan keadaan, penulis diminta oleh editor jurnal tertentu untuk membetulkan bahasa Inggeris dalam manuskrip. Editor Barat menganggap bahawa pengarang dari sebuah negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda, adalah lemah dalam penulisan Bahasa Inggeris. Kini, editor atau penerbit turut mencadangkan penulis mendapatkan khidmat pakar-pakar Bahasa Inggeris bebas atau syarikat-syarikat swasta bagi menyunting Bahasa Inggeris manuskrip yang dihantar. Ini telah menyaksikan kemunculan banyak syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan di atas peluang ini untuk memaksa penulis mengeluarkan wang yang tidak perlu atas nama penyuntingan Bahasa Inggeris. Persoalannya "*Adakah ia beretika?*"

Beberapa negara Asia seperti Jepun dan Korea telah mengupah pakar-pakar Bahasa Inggeris mereka sendiri untuk memperbaiki bahasa dalam penerbitan penyelidikan, manakala negara-negara lain telah berjuang dengan peningkatan kos yang ditanggung untuk menyunting kertas mereka

oleh pakar-pakar Bahasa Inggeris dari luar negara. Oleh itu, adalah satu keperluan bagi penulis negara-negara membangun untuk membangunkan pakar-pakar Bahasa Inggeris mereka sendiri yang boleh membantu dalam penyuntingan manuskrip penyelidikan dan bukannya bergantung kepada pakar-pakar dari negara-negara Barat.

Telah diperhatikan bahawa kebanyakan jurnal berimpak faktor tinggi bergandingan dengan editor bersekutu dan teknikal yang membetulkan Bahasa Inggeris sebelum ia dikemukakan kepada penyaring. Usaha ini menjadi satu rahmat bagi penulis dari negara-negara membangun yang tidak mampu membayar untuk mendapatkan penulisan bahasa Inggeris yang baik dalam kajian mereka. Satu kajian yang diterbitkan dalam jurnal '*Annals of Medicine*' menunjukkan bahawa penyuntingan mampu memperbaiki prosa mediko-saintifik sesebuah manuskrip (Goodman et al. 1994).

USAHA MENJADIKAN BAHASA INGGERIS LEBIH BAIK DAN RAPI

Pada pertemuan memperingati 100 tahun Persatuan Urologi Jepun baru-baru ini, sesi pendidikan mengenai '*Bagaimana untuk menyediakan dan membenteng manuskrip saintifik di dalam Bahasa Inggeris*' telah dijalankan seperti yang dimaklumkan oleh Yukio Homma (Hannick dan Flanigan 2013). Usaha seperti ini harus diberi pujian dan boleh dicontohi.

PERANAN PENULIS HANTU

Akhir-akhir ini, terdapat gesaan untuk menerbitkan artikel penyelidikan bagi tujuan akademik. Ramai penulis yang kurang selesa menulis, atau kesuntukan masa untuk menulis akan mencari 'Penulis Hantu' bagi menyempurnakan manuskrip mereka. Syarikat-syarikat farmaseutikal juga biasanya mengupah 'penulis hantu' untuk menulis laporan penyelidikan mereka.

Penulis Hantu dari luar sesebuah universiti akan mengenakan upah yang terlalu tinggi dan mengeksploitasi penulis. Persoalan utama ditanya ialah: "*Adakah Penulis Hantu menyampaikan mesej penyelidik dengan tepat dalam kertas penyelidikan?*" Laporan menunjukkan bahawa ramai penutur asli Bahasa Inggeris gagal menyampaikan pemikiran saintifik mereka dengan cara yang rapi (Schwartzkroin 2013). Sains

perubatan mungkin tidak difahami oleh seseorang individu yang tidak mempunyai latar belakang perubatan.

Oleh itu, penulis yang di luar bidang perubatan mungkin tidak dapat memahami dan menyampaikan ekspresi yang tepat dalam keputusan manuskrip penyelidikan perubatan. Penulis daripada bidang perubatan mungkin pilihan yang baik. Malah kebanyakan pengarang yang menyumbang kepada usaha ini beralih daripada 'Penulis Hantu' kepada penulis sebenar. Satu kajian awal menyatakan bahawa penulis perubatan tidak boleh dianggap sebagai 'penulis hantu' (Matías-Guiu & García-Ramos, 2011). Oleh itu, penggunaan 'Penulis Hantu' perlu disesuaikan dengan cara yang bijak dan intelektual.

KESIMPULAN

Menulis manuskrip penyelidikan dalam Bahasa Inggeris boleh menjadi mudah jika fakta-fakta yang dinyatakan di dalam kajian ini diikuti secara terperinci. Kami juga merumuskan perkara utama yang telah dibincangkan dan dirumuskan dalam bentuk rajah (lihat Rajah 1) untuk memudahkan tafsiran pembaca. Lebih banyak seseorang menulis manuskrip dan menerbitkannya, lebih kompeten seseorang penulis itu. Kami mengucapkan "*Selamat Maju Jaya*" kepada semua penulis dalam usaha mereka menulis dan menerbitkan dalam Bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Goodman, S.N., Berlin, J., Fletcher, S.W. & Fletcher, R.H. (1994). Manuscript quality before and after peer review and editing at *Annals of Internal Medicine*. *Ann. Intern. Med.*, 121: 11-21.
- Ferrari, J. (2006). Words failing Year 7 students. *The Australian*, August 10, 1: 4.
- Hannick, J.H. & Flanigan, R.C. (2013). How to prepare and present scientific manuscripts in English. *International Journal of Urology*, 20 (2): 136-139.
- Hayes, D.P. (1992). The growing inaccessibility of science. *Nature*, 356: 739-740.
- Knight, J. (2003). Scientific literacy: Clear as mud. *Nature*, 423: 376-378.
- Ludbrook, J. (2007). Writing intelligible English prose for biomedical journals. Writing

- intelligible English prose for biomedical journals. *Clinical and Experimental Pharmacology and Physiology*, 34 (5-6): 508-514.
- Matías-Guiu, J. & García-Ramos, R. (2011). Ghost-authors, improvement article communication, and medical publications. *Neurologia*, 26 (5): 257-261.
- McGrail, M.R., Rickard, C.M. & Jones, R. (2006). Publish or perish: a systematic review of interventions to increase academic publication rates. *High Educ Res Devel*, 25: 19-35.
- Schwartzkroin, P.A. (2013). Getting a scientific paper published in *Epilepsia*: an editor's perspective. *Epilepsia*, 54 (11): 1852-1854.
- Spanager, L., Danielsen, A.K., Pommergaard, H.C., Burcharth, J. & Rosenberg, J. (2013). A feeling of flow: Exploring junior scientists' experiences with dictation of scientific articles. *BMC Med Educ*, 13:106. doi: 10.1186/1472-6920-13-106.
- Tompson, A. (2006) How to write an English medical manuscript that will be published and have impact. *Surgery Today*, 36 (5): 407-409.



RAJAH 1: Rajah menunjukkan tips untuk semakan ketika menulis bebas ralat Bahasa Inggeris